

TIPU PAKEJ UMRAH

Bulka 25 kertas siasatan

Kuala Lumpur

Sebanyak 25 kertas siasatan dibuka berhubung kes penipuan membabitkan sebuah syarikat pengendali umrah, kata Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (Siasatan) Bukit Aman Datuk Rohaimi Md Isa.

Beliau berkata, kertas siasatan berkenaan sedang dilengkappkan sebelum dirujuk ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) juga sudah menggantung lesen syarikat terbabit.

"Sejak penggantungan lesen oleh Motac pada 10 Julai lalu, tiada pakej umrah baharu ditawarkan syarikat itu kepada orang awam dan tiada kes baharu dilaporkan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan mangsa penipuan pakej umrah mahu tinda-

kan tegas diambil terhadap syarikat berkenaan selepas didakwa gagal membayar ganti rugi kepada mereka.

Mengenai dakwaan Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia yang menyatakan tiada tindakan diambil dalam kes berkenaan, Rohaimi berkata, ia adalah tidak tepat.

Beliau berkata, menurut

kenyataan media Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf pada 29 November lalu, sebanyak 21 kertas siasatan dibuka berhubung penipuan pakej umrah membabitkan angka kerugian lebih setengah juta ringgit.

"Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia juga te-

lah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap 177 aduan melibatkan tuntutan sebanyak RM4,335,073.07.

"Selain itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia juga telah mengambil tindakan menyenaraikan (sekatkan pentadbiran) syarikat dan kedua-dua pengaruhnya di bawah Akta 614," katanya.

Warisan nafi terima dana sindiket edar dadah

Kota Kinabalu: Parti Warisan (Warisan) menafikan sekeras-kerasnya tuduhan pihak tertentu, yang mendakwa kononnya parti itu mendapat dana atau mempunyai kaitan dengan sindiket pengedaran dadah terbesar di Sabah.

Setiausaha Agung Warisan Datuk Loretto Padua berkata, parti itu menganggap tuduhan yang dilemparkan sebagai fitnah politik melampau bagi menjatuhkan reputasi parti itu serta pemimpin-pemimpinnya.

Beliau berkata, sekiranya tuduhan itu terus berulang, parti itu tidak akan teragak-agak mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang mengaitkan Warisan dengan apa-apa aktiviti atau sindiket haram yang melanggar undang-undang.

"Warisan kesal ma-



LAPORAN Harian Metro, 14 November lalu.



Sejak penggantungan lesen oleh Motac pada 10 Julai lalu, tiada pakej umrah baharu ditawarkan syarikat itu"

Rohaimi